

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN
RAJA AHMAD BAHARUDDIN SHAH
(KUALA TERENGGANU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

**Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD
BAHARUDDIN SHAH [KUALA TERENGGANU]** minta **MENTERI
KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan di ambil /
lakukan bagi memastikan tiada lagi campur tangan luar di dalam
pengurusan MAS apabila syarikat penerbangan tersebut diselamatkan dan
dihidupkan semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan terus komited dalam menyokong usaha memulihkan MAS

menerusi pelan penyusunan semula MAS. Kejayaan pelan ini bergantung pada kesediaan semua pihak berkepentingan untuk bekerjasama dan memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Sokongan Kerajaan ke atas penyusunan semula MAS ini dizahirkan menerusi langkah-langkah berikut:

1. Membenarkan MAS untuk menjalankan operasi berdasarkan model perniagaan yang berteraskan komersial;
2. Menyokong penggubalan Akta khusus untuk MAS; dan
3. Menyokong penubuhan Suruhanjaya Penerbangan untuk menggalakkan industri penerbangan yang adil dan progresif.